SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL. 53/2026

PERMOHONAN UNDI POS BAGI PILIHAN RAYA UMUM DEWAN UNDANGAN NEGERI (PRU DUN) SARAWAK YANG KE-13

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) ingin memaklumkan mengenai **urusan permohonan undi pos dalam dan luar negara bagi PRU Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak yang Ke-13**.

2. Permohonan undi pos bagi semua kategori iaitu **Kategori 1A** (Anggota Polis, Anggota Tentera, Petugas Pilihan Raya, Ahli/Pegawai SPR, dan Petugas Media), **Kategori 1B** (warganegara Malaysia yang tinggal di luar negara), dan **Kategori 1C** (agensi/organisasi) telah dibuka mulai **26 Oktober 2026 (Isnin)**. Semua permohonan undi pos hendaklah dibuat **secara dalam talian (*online*) di pautan https://myspr.spr.gov.my**. Pemilih yang layak dan berhasrat untuk mengundi secara pos hendaklah mendaftar atau mempunyai akaun MySPR sebelum membuat permohonan untuk mengundi secara pos.

3. **Tarikh tutup permohonan undi pos** bagi semua kategori akan dimaklumkan kelak. Untuk sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut, sila hubungi talian **03-88927080** atau e-mel ke **upup@spr.gov.my**.

DATUK KHAIRUL SHAHRIL BIN IDRUS
Setiausaha
Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia
27 Oktober 2026 / 16 Jamadilawal 1448H